



**PERCUMA** 2 - 9 Mac 2012, 9 - 16 Rabiulakhir 1433

**Penduduk Parit**  
10,12 minta  
jambatan konkrit  
**muka 12**

**Kerajaan Negeri**  
serah geran RM10,000  
kepada MAKNA  
**muka 3**



**Hentikan**  
berpura-pura  
berkenaan Israel  
**muka 5**

# Untung PKPS lagi bukti kecekapan Pakatan Rakyat

Oleh AFIX REDZUAN

SHAHALAM -Kecekapan pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) Selangor terus membuah hasil apabila satu lagi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mencatatkan peningkatan jumlah simpanan tetap, kali ini sebanyak 13 kali ganda daripada jumlah empat tahun lalu.

Simpanan tetap Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) meningkat ke RM114 juta pada tahun 2011 berbanding RM8.3 juta pada 2008, semasa PR mengambil alih tampuk pemerintahan Selangor.

PKPS juga berjaya meningkatkan hasil di dalam projek-projek pertaniannya, seperti lembu tenusu, ayam dan kelapa sawit di samping membayar balik pinjaman kerajaan dan bank swasta.

Kejayaan PKPS adalah susulan daripada pencapaian GLC lain seperti Yayasan Selangor, badan yang memberi bantuan kewangan kepada pelajar miskin luar bandar.

Pada 17 Februari, Selangor Kini melaporkan simpanan tetap Yayasan Selangor, meningkat dari RM20 juta pada 2007, kepada RM51 juta pada akhir 2011.



**TERUJA...** kanak-kanak ini gembira apabila menerima bantuan beg sekolah yang diserahkan Adun Taman Medan, Haniza Talha, sumbangan Kerajaan Negeri Selangor. Bantuan ini diberikan kepada keluarga yang berpendapatan rendah. Program ini juga dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

Manakala, simpanan tetap kerajaan Selangor juga meningkat dari RM1 bilion pada akhir 2011 ke RM1.9 bilion pada Februari.

Rekod pencapaian ini antara yang terbaik selama 28 tahun, bukti konsep pentadbiran berjimat cermat dan tidak rasuah boleh meningkatkan keuntung-

an negeri yang pada akhirnya disalurkan balik kepada rakyat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melahirkan rasa bangga terhadap kejayaan PKPS

dengan mengatakan prestasi syarikat itu membolehkannya menjadi pemangkin pembangunan Selangor.

[lihat muka 2](#)

## MB: Pelantikan Khairy Jamaluddin tidak menguntungkan bumiputera

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Perlantikan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin sebagai Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), membawa masyarakat bumiputera ke belakang di mana fahaman dan kepentingan politik menjadi asas kepada pelantikan ke jawatan profesional.

Menurut Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, perlantikan Khairy menghantar isyarat yang salah kepada komuniti bumiputera yang sekarang digalakkan untuk meningkatkan standard profesionalisme, setanding yang terbaik di dunia.

Ini kerana perlantikan Ahli Parlimen Rembau itu jelas menunjukkan fahaman politik menjadi kriteria utama untuk di-

lantik ke jawatan tertinggi dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), bukannya berdasarkan kemampuan dan pengalaman.

"Sebagai salah seorang pengasas PUNB, iaitu syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), di mana saya berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), saya berbangga dengan pencapaian PUNB yang selama ini diterajui golongan profesional dan berkebolehan.

Walaupun peringkat pengubal dasar terdiri daripada ahli-ahli politik, tetapi mereka tidak campur tangan dalam operasi. Malah Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada golongan profesional berpengalaman yang tidak mempunyai kepentingan politik atau kumpulan berkaitan dengan politik," tegasnya.

[lihat muka 2](#)

# MB: Isytihar harta perlu bersama hapus OSA

Oleh NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kesediaan anggota kabinet BN mengisytiharkan harta adalah lebih bermakna sekiranya hasrat itu disusuli dengan pemansuhan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyambut baik perubahan berkenaan.

"Saya menyambut baik hasrat ini dan saya tidak semudah itu untuk menyekat penambahan yang cuba dibawa oleh Umno-BN ini.

"Kami menyokong usaha ini, kerana ia ada sedikit ketelusan, dan ketelusan ini harus disusuli dengan perubahan undang-un-

dang Akta Rahsia Rasmi (OSA)," jelas Abdul Khalid.

Akta Rahsia Rasmi (OSA) digubal berasaskan diperkenalkan Official Secret Acts dari British, namun penggunaan dan pelaksanaan akta ini masih menyekat kebebasan dan ketelusan secara mutlak.

Sehingga hari ini, Kerajaan Pusat tidak pernah bercadang untuk memperjelaskan penggunaan dan pelaksanaan Akta Rahsia Rasmi.

Walaupun pemimpin negara selalu mengatakan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi dan kebebasan ber suara, namun akta ini bagaimanapun

disalahgunakan mereka untuk menyekat pembongkaran sesuatu isu yang berkaitan dengan kepentingan negara dan sekaligus bercanggah dengan prinsip demokrasi.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan diberikan akses penuh ke atas dokumen pengisytiharan harta anggota pentadbiran kerajaan, termasuk menteri dan keluarga mereka.

Keputusan itu selaras dengan cadangan Lembaga Penasihat SPRM bulan lalu supaya dokumen pengisytiharan harta menteri dan timbalan menteri serta keluarga turut diserahkan kepada SPRM

bagi meningkatkan ketelusan.

Buat masa ini maklumat berhubung harta anggota kabinet dan menteri disimpan Perdana Menteri.

Senario ini berbeza dengan amalan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang mengisytiharkan segala hartanya kepada pengetahuan umum.

"Sekiranya akta ini diubah, Akta Kebebasan Maklumat boleh berperanan untuk pengetahuan semua orang, bagaimanapun ia adalah permulaan yang bagus dan saya tidak mahu terlalu bersikap menyekat," tambah Abdul Khalid pada sidang media selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di sini.

**Kami menyokong usaha ini, kerana ia ada sedikit ketelusan, dan ketelusan ini harus disusuli dengan perubahan undang-undang Akta Rahsia Rasmi (OSA)**

**-ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

## Dari muka depan

### PKPS berjaya kurangkan beban hutang

"Kita merasa megah bersama PKPS sekarang kerana dalam masa tidak lebih tiga tahun menunjukkan keupayaan dalam mengubah PKPS sebagai perbadanan pertanian yang bergerak secara biasa, tetapi sekarang menunjukkan keinginan untuk menjadikan PKPS sebagai satu institusi pemangkin pembangunan negeri Selangor.

"Saya melihat angka-angka tunjuk hasil kewangan dan juga penyimpanan dana menunjukkan pertumbuhan yang sangat baik berbanding beberapa tahun sebelum ini," katanya.

Abdul Khalid turut memuji tindakan PKPS yang cuba memasuki sektor penternakan ayam daging yang dilakukan di Sabak Bernam dan membawa pulangan sebanyak RM600,000 setahun.

"PKPS sedang bangunkan tanah-tanah kosong yang dahulunya terbiar semak, seluas 1,275 hektar. Mulai tahun 2012 rumah penyembelihan ayam dengan kapasiti sembelihan sebanyak 10,000 ekor sehari akan disiapkan," katanya.

Pihak PKPS turut menjalankan projek ternakan lembu tenusu yang menghasilkan 1,000 liter sehari selain mensasarkan penghasilan lebih 3,000 liter sehari dalam tempoh dua tahun akan datang.



**Menteri Besar bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang PKPS 2011/2012**

Pengumuman khabar gembira ini dibuat Pengurus Besar PKPS, Ali Ahmad semasa ucapan aluan sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jubli Perak dan Jasamu Dikenang Kumpulan Perbadanan Kemaajuan Pertanian Selangor Tahun 2010/2011.

Selain menyampaikan anugerah kepada kakitangan yang menabur bakti kepada PKPS, Abdul Khalid turut merasmikan PKPS

Farm Outlet sambil ditemani isteri, Puan Seri Salbiah Tunut.

Ali berkata, pengurusan berkonsepkan cara berjimat cermat juga berjaya mengurangkan beban hutang syarikat.

"Pinjaman kerajaan berjumlah RM38.3 juta pada 2008 dan kita berjaya sebanyak RM6.7 juta setakat ini. Hutang yang tinggal RM32 juta," katanya.

Manakala sebanyak RM20.7 juta daripada pinjaman bank berjumlah

RM43.4 juta berjaya dibayar balik.

Prestasi cemerlang ini diteruskan oleh PKPS bahagian perladangan apabila berjaya memperoleh jualan sawit sebanyak 45,640 tan pada tahun 2011 berbanding 31,079 tan pada tahun 2008 dengan peningkatan sebanyak 47 peratus.

Hasil peningkatan jualan sawit tersebut, pihak PKPS berjaya meraih pendapatan berjumlah RM30.72 juta pada 2011 berbanding RM17.25 juta pada tahun 2008.

### Perlantikan Khairy petanda buruk

Tambahnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak seharusnya mensia-siakan usaha masyarakat bumiputera dengan melantik Khairy Jamaluddin yang tidak berkeupayaan dan tidak berpengalaman dalam menguruskan badan korporat yang sudah berjaya.

Tegasnya, tindakan Najib sekali lagi membuktikan bahawa beliau gagal mengutamakan antara kepentingan dengan profesionalisme.

Malah Abdul Khalid menyifatkan perlantikan tersebut sebagai petanda yang buruk bagi bumiputera dan Malaysia khususnya.

"Bagi pembangunan negara, pemimpin sepatutnya melihat dalam konteks lebih luas dan berfikir di luar fahaman politik, di mana ciri-ciri ini telah diketepikan menerusi pelantikan Khairy Jamaluddin," jelasnya.

# Serah geran RM10,000 kepada MAKNA

SHAH ALAM - Kerajaan negeri menganugerahkan geran bernilai RM10,000 kepada Majlis Kanser Negara (Makna) dan tanah seluas satu ekar kepada HOSPICE, menyokong usaha mendidik rakyat agar lebih peka dalam isu berkaitan kesihatan.

Perkara ini diumumkan Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar ketika merasmikan Program Kesedaran Kesihatan Bagi Penjawat Awam Negeri Selangor yang diadakan di ruang legar Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Program yang mendapat kerjasama Makna dan HOSPICE ini bermatlamat memberi ke-

sedaran kesihatan kepada para penjawat awam serta mereka yang bekerja di pelbagai agensi kerajaan yang lain.

"Dalam program ini, Makna menerangkan aspek kepentingan langkah pencegahan, pengesanan awal, pemeriksaan dan rawatan kesihatan yang perlu serta mendedahkan gaya hidup yang sihat bagi mengelakkan kanser.

"Tumpuan diberikan kepada wanita yang lebih berisiko untuk menghadapi kanser payudara dan kanser serviks," beritahu Dr Xavier yang juga merupakan Adun Seri Andalas.

Dalam program ini, Makna menerangkan aspek kepentingan langkah pencegahan, penge-

san awal, pemeriksaan dan rawatan kesihatan yang perlu, serta mendedahkan gaya hidup yang sihat bagi mengelakkan kanser.

Tumpuan diberikan kepada wanita yang lebih berisiko untuk menghadapi kanser payudara dan kanser serviks.

HOSPICE pula berkepakaran dalam program rawatan perubahan dan emosi untuk pesakit yang tenat akibat menghadapi penyakit-penyakit yang membawa maut seperti kanser tahap tiga, AIDS dan sebagainya.

Peranan HOSPICE adalah penting bagi memastikan pesakit dapat menangani situasi yang dihadapinya dan mewujudkan ketenteraman.



Wakil MAKNA memberi penerangan kepada orang ramai tentang kaedah pencegahan awal kanser

# MB: Perkukuhkan ekonomi Islam



Menteri Besar menyerahkan pelan tanah yang diwakafkan kerajaan negeri kepada wakil penduduk

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Umat Islam dinasihatkan mempertimbangkan opsi yang berlandaskan syariat bagi membantu mengukuhkan ekonomi negeri, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, umat Islam perlu berani untuk keluar dari kepompong pemikiran konvensional seperti hari ini.

Abdul Khalid berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Baitulmal 2012 yang berlangsung di Dewan Jubli Perak.

Jelasnya, umat Islam di negara ini perlu berusaha memulih dan memperkasakan kembali ekonomi

negeri, antaranya melalui dana sedia ada, yakni aset-aset umat Islam yang tersimpan di baitulmal berdasarkan konsep awal pada zaman Rasulullah SAW dan sahabatnya.

"Namun, kita tidak boleh sering bernostalgia dengan kehebatan pencapaian tamadun Islam terdahulu tanpa meneroka kehebatan-kehebatan baru," katanya.

Abdul Khalid turut memberitahu, konsep baitulmal bukan sekadar menjamin pengurusan harta yang profesional dan amanah, tetapi juga mampu menambah dana untuk pembangunan umat Islam.

Pada majlis berkenaan, Abdul Khalid menyerahkan tanah yang diwakafkan kerajaan negeri bagi tu-

juan Wakaf Irsod yang terletak di daerah Gombak, Hulu Langat dan Kuala Selangor.

Sementara itu, menurut Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, (Mais), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, pelancaran Wakaf Irsod bertujuan memberi alternatif berwakaf kepada orang awam dan sektor swasta.

"Wakaf Irsod adalah suatu tanah, bangunan, rumah yang diwakafkan kerajaan, perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan lain mengikut syarak," katanya.

Tambahnya, harta yang diwakafkan, boleh dimanfaatkan bagi penyediaan tapak masjid, surau, tanah perkuburan ataupun institusi pendidikan agama.

## Hentikan serangan ala samseng

SHAH ALAM - Adun Teratai, Jenice Lee (*gambar*) mendesak Umno mengambill tindakan segera bagi menghentikan perbuatan samseng ahlinya yang sering menyerang pimpinan Pakatan Rakyat (PR).



Desakan itu dibuat ekoran beberapa serangan ke atas beberapa pimpinan PR kebelakangan ini.

Terbaru, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan dua orang wartawan diserang sekumpulan lelaki, dipercayai ahli Umno Pulau Pinang, ketika beliau menyertai Himpunan Hijau 2.0 di Pulau Pinang minggu lalu.

Di dalam satu insiden yang lain, ceramah Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar di Felda Lepar Hilir 1, Pahang, terpaksa dihentikan apabila diganggu sekumpulan lelaki dipercayai penyokong Umno.

Jenice yang kecewa dengan provokasi murahan seperti itu, meminta supaya Umno mengambil tindakan sewajarnya untuk mengawal dan mendisiplinkan ahli-ahli mereka.

"Kejadian ini bukan kali pertama, tetapi sudah berulang kali terjadi. Itu juga bukan satu teladan yang baik buat masyarakat kita," ulas Jenice.

Selain itu, mengambil contoh kejadian di Pulau Pinang, Jenice melahirkan kekecewaannya terhadap sikap polis yang gagal mengambil tindakan segera menghentikan serangan samseng berkenaan.

"Walaupun polis berada di tempat kejadian semasa Lim Guan Eng dan pemberita diserang oleh Umno, tetapi polis berdiam sahaja.

"Ini jelas menunjukkan polis mengamalkan prinsip 'double standard', satu untuk ahli Umno, satu lagi untuk rakyat biasa dan pemimpin Pakatan Rakyat," hujah Jenice lagi.

# Himpunan anti-Lynas untuk selamatkan semua generasi

SHAH ALAM - Pihak Berkuasa diseru untuk tidak menyekat rakyat negara demokrasi ini untuk menyertai Himpunan Hijau 2.0 bagi membantah pembinaan kilang nadir bumi di Gebeng.

Pengerusi Hentikan Lynas Selamatkan Malaysia (SLSM), Tan Bun Teet memberitahu, kekecewaan rakyat Kuantan sudah tidak dibendung lagi setelah pelbagai usaha untuk menyedarkan Kerajaan Pusat ten-

tang bahaya projek radiasi seumpama itu langsung tidak dipedulikan.

"Rakyat berusaha keras untuk menghentikan Lynas dan beberapa lagi isu alam sekitar.

"Kerana ia menjadi tanggungjawab setiap daripada kita untuk menjamin negara dan ahli keluarga kita selamat di atas muka bumi ini," ujar Tan sambil melahirkan rasa kecewanya dengan keputusan Kera-

jaan Pusat mengeluarkan lesen duduk sementara (TOL) bagi projek kontroversi tersebut.

Sementara itu, Naib Pengerusi SLSM, Ismail Abu Bakar berkata projek tersebut bukan sekadar bakal memberi kesan kepada persekitaran tetapi juga membawa kesan negatif kepada rakyat dari segi ekonomi mahupun kesihatan.

"Ramai keluarga di kampung-kampung yang bergan-



**BERSUARA... pelbagai lapisan rakyat 'turun' nyatakan bantahan**

tung kepada hasil tanaman dan laut pasti menerima kesan apabila Lynas mula menyahkan sisanya ke Laut China Selatan.

"Bukan itu sahaja, malah pencemaran yang akan dihasilkan mampu merebak ke negara jiran kita melalui udara dan air laut," jelas Ismail kecewa.

Projek Lynas adalah 10 kali

lebih besar daripada projek di Bukit Merah suatu masa dahulu dan dijangka akan menyumbang lebih banyak pencemaran alam sekitar.

Esok, perhimpunan besar-besaran membantah projek Lynas akan diadakan di Padang MPK 4, Kuantan, selain empat lagi lokasi berbeza seluruh tanah air.



**Sebagian daripada pimpinan Pakatan Rakyat turut hadir tanda sokongan pada Himpunan Hijau 2.0**

## MB: Najib ketepikan semangat federalisme

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Pengakuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa beliau tidak menjemput Ketua Negeri Pakatan Rakyat (PR) pada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-114 baru-baru ini, menunjukkan beliau mengeneppikan semangat federalisme seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dakwaan ini dibuat Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berhubung tindakan Najib yang tidak memanggil Menteri Besar Selangor, Kelantan, Kedah dan Ketua Menteri Pulau Pinang ke Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-114 di Putrajaya, baru-baru ini.

"Adalah amat tidak profes-

**Adalah amat tidak profesional untuk Perdana Menteri mengeneppikan peranan Menteri Besar dan Ketua Menteri dari Pakatan Rakyat dalam satu mesyuarat yang membincangkan kebajikan rakyat**

**- ABDUL KHALID  
Menteri Besar**

sional untuk Perdana Menteri mengeneppikan peranan Menteri Besar dan Ketua Menteri dari Pakatan Rakyat, dalam satu mesyuarat yang membincangkan tentang kebajikan rakyat.

"Apatah lagi negeri-negeri

Pakatan Rakyat menyumbang kan lebih daripada setengah hasil ekonomi Malaysia," jelas Abdul Khalid dalam satu kenyataan media kepada TV Selangor baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Najib Razak itu, turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, serta beberapa menteri Kabinet.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid menambah sikap yang dipamerkan Najib bukan sahaja membuktikan bahawa konsep 1Malaysia itu sekadar gimik politik semata-mata, malah ia juga memberi kesan buruk kepada proses transformasi yang ingin beliau lakukan.

## RM2.71b: Umno-BN lebih bergolak

SHAH ALAM - Peruntukan RM2.7 bilion Kerajaan Pusat kepada Umno-BN Selangor akan menjadikan komponen itu berada dalam keadaan lebih berpecah dan huru-hara.

Pesuruhjaya PAS, Selangor, Dr Rani Osman (**gambar**) berkata, wang yang sebegitu besar akan menjadi rebutan dan ramai tidak berpuas hati dengan agihan yang diberikan.

"Nanti yang dapat sedikit akan marah dan kecil hati, yang dapat banyak masih rasa tak cukup.

"Budaya sogokan, rasuah dan ugutan dalam Umno juga akan menjadikan wujud puak-puak yang saling bertelagah dalam Umno, selain rasa tidak senang di kalangan parti-parti komponen BN lain.

"Begitu juga pemimpin Umno dari negeri-negeri lain juga akan berkecil hati dengan sikap pilih kasih Perdana Menteri yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Selangor kerana memberikan peruntukan yang amat besar kepada Selangor, tetapi tidak kepada negeri lain," ujar Dr Rani.

Jelasnya, Umno Selangor sedang berada dalam keadaan

terdesak sehingga sanggup menggunakan wang rakyat bagi memastikan usaha menawan Selangor berjaya dilaksanakan.

"Sudah 54 tahun Umno pemerintah negara, cuma RM500 disuap kepada rakyat. Jumlah ini bersamaan RM0.75 sen sebulan.

Tetapi nilai pemberian air percuma yang disediakan kerajaan Selangor bernilai RM11.30 sebulan, yang diberikan sejak Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor," kata beliau yang juga Adun Meru.

Katanya, harap rakyat dapat datang beramai-ramai mengambil wang tersebut kerana wang pemberian tersebut bukan milik Umno, tetapi wang milik seluruh rakyat Malaysia.

Menurut Dr Rani, rakyat Selangor adalah rakyat yang bijak serta pengundi separa bandar yang mampu menilai kebertanggungjawaban sebuah kerajaan.

"Sebab itu Umno terpaksa gunakan wang rakyat yang banyak untuk membuat sogokan dan rasuah politik, tetapi saya yakin rakyat Selangor tidak akan mudah ter-tipu," kata beliau ketika dihubungi.



# Hentikan berpura-pura berkenaan Israel

SHAH ALAM - Kerajaan BN diseru untuk hentikan sikap hipokripsi dan dwi standard berhubung isu hubungan dagangan dengan negara haram Israel.

Demikian tegas Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor, Khalid Samad, yang mendakwa penjelasan Kerajaan Pusat berhubung isu kapal Israel yang berlabuh di Pelabuhan Klang tidak boleh diterima sama sekali.

"Lebih-lebih lagi dalam keadaan kononnya negara Malaysia adalah juara memperjuangkan nasib rakyat Palestin dan kononnya Malaysia tidak ada sebarang hubungan diplomatik dengan Israel.

"Jadi kita sangat terkejut dengan pendedahan kapal Israel yang biasa berlabuh di Pelabuhan Klang," ujar Khalid sambil



**BUKTI... Lori kontena milik Israel yang berjaya dikesan oleh Ketua Koordinator Jingga 13, Fariz Musa (kiri)**

menambah, alasan anak kapal Israel tidak dibenarkan menjejakan kaki di pelabuhan sebagai penjelasan 'main-main' oleh

kerajaan Umno-BN.

Khalid juga mendedahkan Malaysia berada di kedudukan bawah 20 bagi negara-negara

yang mempunyai hubungan dagangan dengan Israel.

"Rekod ini adalah berdasarkan laporan yang didedahkan

oleh beberapa pihak dan ia membuktikan bahawa Malaysia merupakan rakan dagangan yang 'kuat' dengan Israel.

"Dan antara produk terpenting ialah minyak kelapa sawit. Saya percaya peneroka Felda akan merasa dikhianati kerana tanpa disedari hasil mereka menjadi bahan dihantar ke Israel," jelas Ahli Parlimen Shah Alam itu.

Beliau juga mencabar kerajaan BN jika tidak mengiktiraf kewujudan negara Israel, maka ia perlu dizahirkan dalam tindakan.

"Yang pertama, hentikan kemasukan kapal-kapal Israel melalui perairan Malaysia, kedua, hentikan perdagangan dengan Israel dan yang ketiga, tamatkan perkhidmatan APCO sebagai penasihat kamu," tegas beliau

## Suami Shahrizat patut didakwa awal

Oleh HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Peguam Negara dan polis seharusnya mendakwa Pengerusi Eksekutif Pusat Fidlot Nasional (NFC), Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail lebih awal berhubung pecah amanah yang membabitkan dana rakyat bernilai RM250 juta.

Ketua Koordinator Jingga 13, Fariz Musa berkata, cadangan polis supaya Peguam Negara hanya mendakwa Mohamed Salleh, menggambarkan wujud dwi standard dalam siasatan yang dibuat pihak berkuasa tersebut.

"Kita melihat bahawa ia hanya difokuskan kepada Pengerusi Eksekutif NFC sahaja," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, polis sepatutnya menyiasat secara keseluruhan dan semua pengurusan tertinggi NFC kerana semua pihak itu diyakini turut sama melakukan penyelewengan dan pecah amanah.

Malah laporan yang dibuat badan bukan kerajaan (NGO) tersebut, tegasnya turut menyatakan penglibatan ketiga-tiga anak Mohamed Salleh sebagai pengurusan tertingginya, iaitu Wan Shahinur Izmir selaku Pengarah Eksekutif, Wan Shahinur Izran (Ketua Pegawai Eksekutif) dan Wan Izzana Fatimah (Pengarah).

**Malah laporan yang dibuat badan bukan kerajaan (NGO) tersebut, tegasnya turut menyatakan penglibatan ketiga-tiga anak Mohamed Salleh sebagai pengurusan tertingginya, iaitu Wan Shahinur Izmir selaku Pengarah Eksekutif, Wan Shahinur Izran (Ketua Pegawai Eksekutif) dan Wan Izzana Fatimah (Pengarah)**

"Maknanya, kertas siasatan itu yang dihantar kepada Peguam Negara seharusnya turut melibatkan semua pengurusan tertinggi NFC," ujarinya.

Menurut Fariz, Jingga 13 mempercayai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil turut terlibat dan mengetahui segala-galanya disebabkan isu itu melibatkan anak dan suaminya.

## Felda rugi RM2 bilion jika senarai FGVH



**TUNTUT... beberapa siri bantahan dibuat oleh peneroka atas ketidakadilan Felda**

SHAH ALAM - Bekas Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaakop mendakwa Felda akan kehilangan pendapatan sebanyak RM1.950 bilion setahun jika keputusan menyenaraikan Felda Group Venture Holding (FGVH) di bursa saham.

Dr Rosli juga berkata, Felda sekarang mempunyai pendapatan purata dari 2007 ke 2010 yang berjumlah RM2.458 bilion setahun.

Mengulas lanjut perkara ini, Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman berkata, Felda hanya akan memperoleh pendapatan RM508 juta setahun jika FGVH disenarai. Ini bermakna Felda akan hilang RM1.950 bilion setahun.

"Berdasarkan analisis di atas, Anak menyeru kepada seluruh warga Felda, para peneroka dan anak-anak peneroka membuat pertimbangan yang mendalam sebelum bersejua dengan apa-apa rancangan pelaburan

yang dipaksakan ke atas mereka," ujar Mazlan dalam satu kenyataan media.

Beliau juga menyifatkan penyenaian tersebut sebagai skim cepat kaya 'Pak Man Telo' yang diketuai Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad dengan restu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Menurut Mazlan lagi, Dr Rosli yang berpengalaman luas dalam bidang kewangan membuat analisis berdasarkan fakta-fakta yang terkandung dalam perjanjian pajakan tanah antara Felda dan FGVH.

Dr Rosli juga menggunakan data yang diperolehi daripada minit mesyuarat ahli-ahli lembaga pengarah Felda dari tahun 2007 hingga 2010 perbelanjaan tahunan Felda.

Selain kerugian pendapatan, penyenaian FGVH turut dijangka menyebabkan akaun Felda mengalami defisit sebanyak RM1.428 bilion setahun.

# Curiga 400 pengundi baru kem tentera

SHAH ALAM - Pakatan Rakyat (PR) mendakwa ada usaha untuk menjadikan anggota tentera di kawasan Kuala Kubu Baru sebagai pengundi penentu di dalam pilihan raya akan datang.

Ini berikutan penambahan mendadak populasi pengundi pos di kerusi DUN tersebut sehingga 400 orang, majoriti mereka dipercayai anggota yang menetap di kem regim-mentembayan.

Adun Kampung Tunku, Lau Weng San (*gambar*) berkata, oleh kerana majoriti kemenangan di kerusi Kuala Kubu Baru sekitar 480 undi sahaja, sokongan pengundi pos tersebut akan menjadi kritikal.

"Jadi kita menyeru orang Kuala Kubu Baru yang menetap di tempat lain supaya semak butiran mengundi mereka dan balik ke Kuala Kubu Baru untuk membuang undi.

"Masa depan Kuala Kubu Baru tidak boleh dibiarkan untuk ditentukan sekumpulan askar sahaja," jelas Lau kepada media.

Beliau yang ditemankan penyelarass DUN Kuala Kubu Baru, Law Suet Peng dan pegawai perhubungan Kampung Baru Cina, Chang Boon Lai menunjukkan senarai 400 pengundi pos yang baru didaftarkan di kawasan tersebut.

Lau juga mendakwa berlaku pemindahan pengundi yang berdaftar di dalam Kuala Kubu Baru ke Batang Kali tanpa pengetahuan atau per-



**Kita menyeru orang Kuala Kubu Baru yang menetap di tempat lain supaya semak butiran mengundi mereka dan balik ke Kuala Kubu Baru untuk membuang undi**

**- LAU WENG SAN**  
Adun Kampung Tunku

mintaan mereka.

Sekumpulan pengundi dari Kampung Baru Cina di dalam Ulu Yam itu mendakwa, mereka dipindahkan ke kawasan Batang Kali yang bersebelahan dengan Kuala Kubu Baru.

Ini berlaku walaupun kampung tersebut terletak di dalam sempadan Kuala Kubu Baru.



Kerajaan negeri bersikap terbuka dalam menangani masalah isu curi pasir yang didakwa berlaku di Rawang, Kuala Langat dan Semenyih

## Isu pasir 2008

# SPRM perlu siasat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan langkah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan penyiasatan terhadap dakwaan kegiatan curi pasir yang dilaporkan berlaku di Rawang, Kuala Langat dan Semenyih.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri juga meminta Pejabat Tanah dan Daerah yang terlibat supaya memberi kerjasama kepada SPRM dalam menjalankan siasatan

dan penguatkuasaan sekiranya perlu.

"Kita berharap penyiasatan SPRM ini akan membantu kerajaan negeri membanteras kegiatan curi pasir yang berlaku sebelum 2008, yang merugikan negeri dan rakyat Selangor," jelas Abdul Khalid dalam satu kenyataan media.


Beliau berkata, sindiket curi pasir perlu ditangkap dan dikenakan hukuman setimpal kerana mencuri hasil negeri yang sepatutnya dinikmati semua rakyat Selangor menerusi

program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Sebagai rekod, keuntungan kerajaan Selangor dari kegiatan perlombongan pasir meningkat selepas PR mengambil alih pentabiran Umno-BN daripada RM2.9 juta pada tahun 2007 ke RM6.3 juta pada tahun 2008.

Hasil kutipan pada tahun 2009 berjumlah sebanyak RM5.4 juta, sebelum meningkat kepada RM10.3 juta pada enam bulan pertama tahun 2010.

### Peningkatan hasil pasir sejak PR ambil alih

TAHUN	KUTIPAN HASIL PASIR
2007 	2.9 juta
2008 	6.3 juta
2009 	5.4 juta
2010 	10.3 juta
2011 	16 juta

**Kita berharap penyiasatan SPRM ini akan membantu kerajaan negeri membanteras kegiatan curi pasir yang berlaku sebelum 2008, yang merugikan negeri dan rakyat Selangor**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

## Selangor Kini

### SIDANG REDAKSI

**PENASIHAT:** Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

**JURU GAMBAR:** Raheemie Arifin

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: news Selangorkini@gmail.com

# Warga emas dihargai

Oleh NAEEM RAFFI

**KLANG** - Amalan kepimpinan kerajaan negeri yang telus dalam membahagikan hasil negeri, kini menerima maklum balas positif daripada setiap lapisan masyarakat.

Warga emas tidak terkecuali menerima manfaat ini apabila mereka diraikan dalam Program Jom Shopping dengan pemberian baucer bernilai RM100 untuk mereka membeli barangan keperluan di pasaraya terpilih.

Program Jom Shopping di DUN Pelabuhan Klang kali ke-9 hari ini menyaksikan 100 warga emas yang berdaftar di bawah Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dibawa membeli belah di Pasaraya Giant Bukit Tinggi, Klang.

Penyelaras DUN Pelabuhan Klang, Suhaimi Mohd Nor berkata, penganjuran program ini mendapat sambutan hangat daripada kalangan warga emas.

“Namun masih terdapat sebilangan kecil masyarakat yang terkongkong dalam fahaman politik sempit,



**Peserta 'Jom Shopping' sedang memilih barangan yang ingin dibeli**

sedangkan kerajaan negeri tidak pernah memilih kasih dalam pemberian seumpama ini.

“Setakat ini kita masih ada baki hampir 5000 warga emas yang belum berkesempatan kita bawa untuk membeli belah di DUN Pelabuhan Klang ini,” katanya.

Program Jom Shopping ini adalah

lanjutan dari Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dilancarkan pada Jun 2008, selepas genap 100 hari Pakatan Rakyat membentuk kerajaan negeri.

Setakat ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan antara RM5 juta hingga RM10 juta untuk program ini berdasarkan keperluan semasa.

## TINJAUAN



“Ini satu usaha bagaimana kerajaan mampu membantu rakyat walaupun pemberian ini tidak begitu besar tetapi ia tetap meringgankan

beban. Bagi negeri-negeri lain, ambillah penganjuran ini sebagai contoh dalam membantu meringgankan beban rakyat terutamanya warga emas.

**Zainal Abidin Yun, 72**

“Mak cik perlukan banyak duit untuk kos perubahan kaki mak cik. Terima kasih banyak-banyak kepada kerajaan negeri. Mak cik sebelum ini tidak pernah terima sumbangan warga emas seperti ini.”



**Zainah Ghani, 74**

## Bantu mereka yang memerlukan

Oleh KHAULAH AZWAR

**KLANG** - “Alhamdulillah, bantuan beg sekolah ini merupakan satu dorongan kepada saya untuk tekun belajar bagi mencapai keputusan cemerlang,” itu antara luahan Adik Raja Normaisarah Raja Muzafar, 9, penerima bantuan beg sekolah Selangorku.

Seramai 850 pelajar menerima bantuan beg yang disampaikan Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali.

“Bantuan pendidikan bukan sahaja diberikan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, tetapi juga kanak-kanak yang baru lahir menerusi Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas),” katanya

pada majlis perasmian Bantuan Beg Sekolah di DUN Selat Klang.

Selain itu katanya, kerajaan negeri juga menyediakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) percuma untuk pelajar yang bakal menduduki PMR dan SPM, yang mana ibu bapa mereka berpendapatan RM1500 ke bawah.

Dr Halimah yang juga Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, berkata, walaupun ada pihak menganggap bantuan yang diberi merugikan dan menganggang negeri akan mufliis jika diteruskan, ia tidak akan berlaku jika ia diurusadabir dengan baik,” katanya.



**Dr Halimah mengagihkan beg sekolah kepada penerima yang layak di DUN Selat Klang**

## Gembira dengan keprihatinan kerajaan negeri

**SUBANG JAYA** - Ibu kepada Toh Jia Xuan, 8, iaitu Kang Cheng Lai, gembira dan berbesar hati dengan bantuan cermin mata yang diterima anaknya.

“Saya harap kerajaan (PR) yang ada ini akan kekal dan dapat meneruskan usaha membantu rakyat Selangor,” ucap ibu tersebut sambil menambah, pelbagai perubahan dapat dilihat sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih pemerintahan negeri.

Seramai 100 kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun dari empat buah sekolah menerima bantuan cermin mata hasil tajaan kerajaan negeri dengan kerjasama Hospital Mata Tun Hussein Onn.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berharap sumbangan tersebut sedikit dapat sebanyak membantu meringgankan beban ibu bapa pelajar.

“Sekarang bukan murah perbelanjaan sebulan bagi menghantar anak-anak ke kelas tuisyen, pengangkutan ke sekolah, duit susu dan sebagainya.

“Jadi kita harap pemberian cermin mata ini akan dihargai



**TERUJA... penerima 'bergaya' dengan cermin mata yang diterima**

pelajar,” ujar Hannah yang turut memberitahu kerajaan negeri memperuntukkan RM10,000 bagi kos bantuan cermin mata ini.

Bagi DUN Subang Jaya, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tun Tan Cheng Lock, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Tun Sambathan, Sekolah Ke-

bangsaan Datuk Onn Jaafar serta Sekolah Agama Masjid Darul Ehsan, antara yang layak menerima sumbangan cermin mata.

Sumbangan pemberian cermin mata ini diberikan kepada keluarga yang berpendapatan RM1,500 sebulan.



▲ CUNGKIL BAKAT... Adun Bangi Dr Shafie Abu Bakar, melancarkan Pertandingan Mengarang Cerpen dan Puisi (Sajak) Berunsur Islam anjuran Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Hulu Bernam, sempena Maulidur-Rasul SAW 1433/2012, di Perpustakaan Hulu Bernam



▲ KERJASAMA... Saari Sungib bersama Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak peringkat Bazar Melawati yang diadakan di Dataran Bazar Melawati



▲ MERAIKAN... Adun Chempaka, Iskandar Samad meluangkan masa menemani warga emas membeli-belah dalam Program 'Jom Shopping Chempaka' di Giant Pandan Jaya, Ampang



Adun Lembah Jaya, Khasim Abd Aziz melawat Hasnah Mat yang dipotong kaki akibat penyakit diabetes. Dalam sesi lawatan tersebut, beliau turut menziarah mereka yang menderita pelbagai jenis penyakit



▲ AKTIVITI SIHAT... Orang ramai yang hadir pada Pelancaran Program MBSA-JKNS 'Berjalan 10,000 Langkah Sehari' di Taman Tasik Shah Alam



▲ ZIARAH... walaupun sibuk, (Adun) Sekinchan, Ng Suee Lim sempat melawat Amir Ahmad yang patah tangan kiri di Taman Ria pada Program Turun Padang



▲ Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK), JKKK Kampung Sungai Udang dan pasukan 'river rangers', menanam pokok di Sungai Udang Klang



▲ Exco Belia dan Sukan dan Adat Resam Melayu, Dr Yunus Hairi (depan), bersama Pengerusi Kumpulan Perangsang Selangor, Yang Mulia Raja Idris Raja Kamarudin (belakang), bersalaman dengan pemain sewaktu merasmikan gelanggang futsal, sumbangan Kumpulan Perangsang Selangor, Seksyen 6, Shah Alam



Adun Meru, Dr Rani Osman (tengah) bersama Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo (kanan), melawat orang ramai yang menderma darah pada majlis Karnival Hari Keluarga dan Pemeriksaan Kesihatan yang diadakan di Masjid Bandar Bukit Puchong



## Khairat kematian dibayar 24 jam

MESKIPUN tewas dalam pilihan raya 2008 lalu, Pusat Khidmat Pakatan Rakyat (PR) DUN Permatang dan DUN Sungai Burung tetap gigih memberi khidmat kepada masyarakat di kawasan masing-masing.

“Contohnya, walaupun garis panduan ditetapkan bagi khairat kematian untuk waris peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah 14 hari dari hari kematian, tetapi di sini kami sampaikan dalam tempoh 24 jam sahaja.

“Lazimnya apabila ada kematian melibatkan peserta SMUE, ketua-ketua kampung di sini akan maklumkan kepada pusat khidmat ini dengan segera.

“Adanya kerjasama baik ketua-ketua kampung ini, dalam tempoh 24 jam kami telah sampai di kediaman si mati untuk menghulurkan sumbangan khairat kematian,” ujar Naib Ketua Cabang PKR, Shahibudil Akmar Abd Kudus.

Pusat Khidmat Rakyat ini dikendalikan penyelarar DUN Permatang, Yahya Mat Sahri yang terus mendekati masyarakat dengan penuh dedikasi.

“Lebih-lebih lagi Selangor sekarang di terajui Pakatan Rakyat,” ujar Shahibudil ketika ditemui di Pusat Khidmat Rakyat, berhampiran pekan Tanjung Karang.

Jelasnya, disebabkan DUN berkenaan dimenangi parti pembangkang BN, tugas melaksanakan agenda kerajaan negeri di kawasan terbabit dipikul Pusat Khidmat Rakyat yang uruskan PKR.

Sementara itu, di DUN Sungai Burung, Pusat Khidmat Rakyatnya diuruskan wakil PAS bagi merealisasikan agenda kerajaan negeri.

**Misran menunjukkan bekas tapak kunci air yang runtuh akibat kecuaiannya sewaktu pembinaan**

### PUSAT KHIDMAT RAKYAT DUN PERMATANG

NO 25-3 Jalan Makmur 1, Taman Makmur, 45500 Tg. Karang, No Tel: 03 3269 3048

49a, Jalan Satu, Taman Raden Jaya, 45500 Tg. Karang, Tel: 03 3269 3404 Fax: 03 3269 3409 Pkmsgburong@yahoo.com



## Kunci airancam penduduk Tanjung Karang

Oleh NAZLI IBRAHIM

**PENDUDUK** Kampung Ibu Ampangan di sini, diancam bahaya kerana saiz kunci air yang ada sekarang kecil dan dibimbangi gagal menampung tekanan air ketika hujan lebat.

“Bayangkan apa akan jadi pada kampung-kampung dan Pekan Tanjung Karang sekiranya kunci air itu tidak dapat membendung tekanan air yang kuat dan pecah terutama pada masa air naik,” kata Naib Yang Dipertua PAS Tanjung Karang, Misran Serman (*gambar*) kepada Selangor Kini.

Jelasnya, dahulu ada dua kunci air, satu yang besar dibina sebelum merdeka

pada tahun 30-an lagi dan satu lagi dibina Kerajaan Pusat sekitar tahun 60-an tetapi lebih kecil.

“Malangnya, kunci air yang besar itu runtuh, gara-gara kerakusan BN yang kononnya nak menaikkan taraf kunci air lama itu sekitar tahun 2006.

“Disebabkan kecuaiannya perancangan semasa projek itu sedang dijalankan, kunci air tersebut jadi condong dan akhirnya runtuh,” katanya.

Akhirnya projek tersebut dihentikan. Ia bukan sahaja menyebabkan pemba-



ziran dana awam, tetapi menyalakan satu khazanah bersejarah, iaitu kunci air berusia lebih 60 tahun yang ada di situ.

“Di negara kita hanya ada dua atau tiga sahaja bangunan kunci air dan salah satu daripadanya adalah bangunan kunci air setinggi empat tingkat yang runtuh ini.

“Tetapi sayang, kunci air itu dah runtuh dan sekarang

mereka buka satu galeri yang dinamakan Galeri Jabatan Parit dan Saliran yang nampak macam tidak terurus,” beritanya lagi.

## Nelayan berputih mata, hak diserahkan kepada LKIM

**PERSATUAN** Nelayan dan Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) Kampung Sungai Yu, terpaksa berputih mata apabila hak pengurusan kemudahan di jeti Kampung Sungai Yu diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Antara kemudahan yang baru siap dibina di jeti kawasan tersebut ialah kedai makan dan chalet yang sepatutnya memberi sumber pendapatan kepada persatuan dan nelayan-nelayan di kampung terbabit.

“Persatuan dan PKSP di sini berusaha keras untuk mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perhutanan untuk membangunkan kawasan ini, termasuklah membayar surat perjanjian selama lima tahun berjumlah RM5,800.

“Tetapi apabila mereka melihat potensi kawasan ini boleh dibangunkan, mereka bangunkan kawasan ini tanpa berbincang dengan persatuan.

“Kononnya bila dah siap nanti, persatuan yang akan dapat, seperti sewa cha-



**BERPUTIH MATA... kedai makan yang gagal memberi sumber pendapatan kepada nelayan**



let dan kedai sebagai sumber pendapatan persatuan, tetapi akhirnya diberi kepada LKIM,” beritanya Ketua Kampung Sungai Yu, Muhad Solihi (*gambar*).

Sementara itu, Ketua Biro Pembangunan KPSP, Dimyati Dualo memberitahu pihak persatuan membuat perancangan rapi untuk membangunkan kawasan

terbabit sebelum diambil alih oleh LKIM.

“Persatuan merancang untuk membangunkan kawasan ini dengan aktiviti yang dapat menjana sumber pendapatan seperti aktiviti ekonomi dan pelancongan seperti pasar malam dengan tarikan utamanya ikan bakar.

“Aktiviti pelancongan lain yang dirancang persatuan ialah aktiviti meninjau burung helang, melihat kelip-kelip, tuntung bertelur, pakej memancing, pakej menjaring dan makan di dalam sampan seperti yang kita lihat di Thailand.

“Bayangkan perasaan nelayan di sini yang merancang semenjak dahulu lagi, berkerja keras bangunkan kawasan ini dan usahakan permit dari Jabatan Perhutanan.

“Bila sahaja dah dapat permit dan persatuan dah pun bayar RM5,800 kepada Jabatan Hutan, tiba-tiba usaha nelayan ini, dipotong Kerajaan Pusat di bawah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan, diberi kepada LKIM,” ujar beliau kesal.



**Gambar kiri & bawah**  
Jalan raya diturap nipis,  
menampakkan tanah merah  
walaupun sudah dinaik taraf

# Seleweng peruntukan, jalan tidak ikut piawaian

TIDAK sampai dua bulan siap, jalan di Kampung Ibu Ampangan mula rosak akibat kerja-kerja menaik taraf jalan terbabit tidak mengikut piawaian yang ditetapkan.

Menurut Ketua Kampung Ibu Ampangan, Hamidon Salim (*gambar*), projek menaik taraf di sepanjang Jalan RB menerusi peruntukan Kerajaan Pusat tersebut tidak dibuat dengan bahan binaan yang secukupnya dan sambil lewa.

“Patutnya, mula-mula kena letak batu kasar, lepas itu baru lah batu pasir, jadi jalan boleh tahan lama, batu pasir tak lari.

“Apa yang kita lihat tadi, tak sampai dua kilometer sahaja yang ditambah dengan bahan yang betul. Tempat yang diletakkan batu kasar tanpa batu pasir itulah yang menyebabkan permukaan jalan tadi jadi kasar,” ka-

tanya sambil menunjukkan jalan raya yang terhakis dan menampakkan tanah merah.

“Tambahkan batu-batupun cuma nipis sahaja, sekejap sahaja jalan dah mula rosak semula,” beritahu beliau.

Hamidon turut melahirkan kebimbangan peruntukan projek tersebut diselewengkan pihak-pihak tertentu sehingga menyebabkan jalan tersebut dibina dengan bahan yang tidak mencukupi.

“Saya bimbang peruntukan Kerajaan Pusat ini diselewengkan pihak tertentu, menyebabkan peruntukan yang turun cuma beberapa peratus sahaja sebab dipotong di tengah jalan.

“Akhirnya yang jadi mangsa ialah masyarakat kampung ini, kerana mendapat prasarana yang tidak sempurna,” ujarnya lagi.

**Saya bimbang peruntukan Kerajaan Pusat ini diselewengkan pihak tertentu, menyebabkan peruntukan yang turun cuma berapa peratus sahaja, sebab dipotong di tengah jalan**

**HAMIDON SALIM**  
Ketua Kampung Ibu Ampangan



## Tambakan tebing Sungai Yu baru siap runtuh

PROJEK tambakan tebing sungai di jeti Kampung Sungai Yu runtuh walaupun baru beberapa bulan dibina.

Tambakan yang dibuat melalui peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dibuat dengan menjadikan batang kelapa sebagai penahan, gagal menahan tekanan air sungai apabila kunci air berhampiran dibuka.

“Kononnya nak buat lanskap di tebing sungai itu, tetapi apabila dah ditambak, sungai itu jadi sempit.

“Akhirnya tambakan tebing itu menurun atau terhakis. Lagipun mana boleh jadikan batang kelapa sebagai penahan,” demikian menurut Ketua Kampung Sungai Yu, Muhad Solihi ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau juga berkata, projek tambakan tersebut dilaksanakan tanpa perancangan dan pemantauan semasa kerja pembinaan projek tersebut berjalan.

“Kalau mereka buat perancangan, takkan guna batang kelapa sebagai

penyendal, sebab batang kelapa tak akan mampu bertahan.

“Semasa projek tengah berjalan pun, harus ada pemantauan, tetapi ini tidak, inilah sikap tidak bertanggungjawab. Masing-masing jalankan projek, main sambil lewa sahaja.

“Mereka kena sedar, setiap projek ini melibatkan wang orang ramai dan harus beri manfaat kepada orang ramai juga,” beritahunya lagi.

Menurutnya, sepatutnya kerajaan lebih mengutamakan projek yang lebih memberi manfaat kepada masyarakat kampung ini.

Selain itu beliau turut kesal dengan tindakan Kerajaan Pusat yang menyatukan semua projek-projek yang ada, menyebabkan hanya kontraktor kelas B sahaja yang layak memohon tender untuk pembinaan projek terbabit.

“Sepatutnya projek kecil seperti ini boleh diberikan kepada anak-anak tempatan kampung ini yang memiliki lesen kontraktor kelas F,” ujarnya lagi.



**SAMBIL LEWA... penggunaan batang kelapa sebagai penahan dianggap sebagai tindakan tidak serius pihak terbabit tangani masalah rakyat**

# Dewan terbiar akan dibaik pulih

Oleh HAFIZAN TAIB

**TERBIAR** hampir 10 tahun Dewan Orang Ramai Bagan Terap di Kampung Lubuk Pusing dijangka dapat dipulihkan apabila masalah ini mendapat perha-

## PUSAT KHIDMAT DUN SABAK

No. 18 Tingkat 1,  
Jalan Haji Mohamad,  
45200 Sabak Bernam,  
Selangor  
Tel :03-3216 2931  
Fax :03-3216 2933



tian Penyelaras DUN Sabak Bernam, Sallehen Mukhyi.

Menurut beliau, masalah ini sudah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bagi diambil tindakan segera.

“Dewan ini hak milik kerajaan negeri dan pihak yang bertanggungjawab adalah MDSB maka saya berharap masalah ini diberi perhatian supaya ia dapat diselesaikan segera.

“Ia adalah salah satu tempat yang menjadi tumpuan ramai terutamanya anak muda bagi aktiviti seperti sukan dan seba-

gainya,” katanya.

Tambahnya, dewan itu tidak dijaga dan diselenggarakan dengan baik maka masalah kerosakan berlaku hingga sampai ke tahap yang mendukacitakan.

“Apabila ia dibaik pulih, pastinya ia dapat digunakan semula oleh orang ramai dan memberi kebaikan serta kemudahan kepada semua pihak,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Lubuk Pusing, Jaafar Amir berkata, sejak dewan itu mengalami kerosakan, menyebabkan berlaku pelbagai masalah hingga penduduk kampung terpaksa mencari alternatif lain bagi menjalankan segala aktiviti.

Menurut Jaafar, apabila terbiar ia menjadi tempat remaja



**Keadaan dalam dewan yang kelihatan uzur**

melepak dan perkara ini kurang disenangi penduduk setempat.

Beliau berharap masalah itu mendapat perhatian kerajaan negeri dan MDSB supaya dapat diatasi dengan segera.

Difahamkan, kerajaan negeri terdahulu (Umno-BN) sudah dimaklumkan perkara berkenaan tetapi tiada sebarang tindakan diambil bagi menanganinya.

## Penduduk minta jambatan konkrit



**Latif menunjukkan jambatan usang yang menimbulkan masalah kepada penduduk**

**PENDUDUK** Kampung Parit 10 dan 12 meminta kerajaan negeri menyergerakan pembinaan jambatan konkrit di hadapan Masjid Parit 10 di sini bagi memberi kemudahan orang ramai keluar dan masuk ke masjid itu.

Masalah yang berlaku lebih lima tahun itu menyukarkan penduduk untuk masuk dan keluar di kawasan itu, terutama jika berlaku kecemasan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Parit 12, Abdul Latif Tigiron berkata, masalah ini perlu diselesaikan segera kerana ia banyak mendatangkan masalah kepada penduduk kampung.

Beliau berkata, pelbagai urusan sukar dijalankan terutama melibatkan aktiviti agama seperti ibadah, pengurusan jenazah dan sebagainya.

Abdul Latif berkata, beliau

yakin kerajaan negeri akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera.

Sementara itu, Penyelaras DUN Sabak Bernam, Sallehen Mukhyi berkata, difahamkan perancangan bagi membina jambatan konkrit di kampung itu sudah diluluskan.

“Difahamkan juga Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Kumpulan Semesta Sdn Bhd akan memberikan sumbangan untuk pembinaan semula jambatan ini.

“Ia adalah sesuatu yang positif dan mengembirakan bagi penduduk kampung yang amat berharap jambatan itu dibina demi kemudahan untuk keluar masuk ke masjid ini,” katanya.

Ketika ini, jemaah masjid menggunakan jambatan kampung sebelah yang agak jauh untuk ke masjid.

## PKNS bantu baik pulih rumah asnaf

**PETANI** Zamri Sekiman, 39, terharu apabila rumah usang miliknya dipilih Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk dibaik pulih menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) anak syarikat kerajaan negeri itu.

Katanya, dia sudah lama menunggu bantuan ini kerana selain isteri dan anak-anak, beliau juga menyara tiga lagi saudara kandungnya yang kurang upaya.

“Terima kasih kepada kerajaan negeri dan PKNS yang memberi bantuan dan bersimpati dengan masalah yang menimpa saya sekeluarga, hanya

Tuhan sahaja yang dapat membalasnya,” katanya.

Dalam program ini PKNS memperuntukkan RM396,000 untuk membaik pulih 22 buah rumah di Daerah Sabak Bernam.

Sementara itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan Selangor, Iskandar Samad yang hadir merasmikan program berkenaan berkata, PKNS akan memberikan pengagihan dalam RM15,000 hingga RM118,000 bagi setiap sebuah rumah.

Tahun ini juga katanya, PKNS memperuntukkan sebanyak RM2.2 juta wang zakat bagi pro-

### Kawasan yang dibaik pulih

- Tebuk Pulai
- Kampung Bagan Terap
- Kampung Tok Khalifah
- Bagan Nira
- Sepintas
- Jalan Masjid

gram CSR untuk asnaf fakir dan miskin, muafak dan sabilillah.

“Komitmen yang ditunjukkan PKNS dalam memberikan semula keuntungan kepada rakyat Selangor melalui aktiviti sosial dan kebajikan itu sangat dihargai dan ini membuktikan PKNS tidak pernah lupa menjalankan tanggungjawabnya walaupun perniagaan utamanya adalah dalam sektor hartanah,” katanya.

Tambahnya lagi, diharapkan langkah yang diambil PKNS itu akan dicontohi perbadanan mahupun anak-anak syarikat kerajaan negeri yang lain.

“Keseluruhan untuk rumah kos rendah sama ada pengurusan atau pembinaan dan subsidi, PKNS membelanjakan lebih kurang RM30 juta setahun.

“Cuma saya harap PKNS dapat melihat di kawasan seperti luar bandar ini, yang mana ada lebih banyak lagi rumah-rumah yang perlu dibaik pulih,” katanya lagi.



**Iskandar bersama Zamri (kiri), penerima bantuan baik pulih rumah, menerusi program CSR**



# Basmi tikus eratkan kerjasama penduduk

Oleh NAZLI IBRAHIM

**PUCHONG** - Bagi mencegah wabak yang dibawa tikus, penduduk Flat Puchong Permai di sini, keluar beramai-ramai untuk menyertai program pembasmian tikus di kawasan mereka baru-baru ini.

Program yang dinamakan 'Gotong-Royong Pembasmian Kacau Ganggu Tikus Di Kawasan Perniagaan' anjuran bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Jawatankuasa Penduduk Zon 14 MPSJ.

Ja juga turut disertai kira-

kira 100 penduduk setempat, termasuk golongan muda.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Penduduk, Ahmad Salleh berkata, program tersebut memberi pelbagai manfaat kepada penduduk setempat.

"Program ini banyak memberi manfaat kepada penduduk Puchong Permai dalam mewujudkan persekitaran sihat, sekali gus mencegah menularnya wabak penyakit bawaan tikus.

"Selain itu, ia juga mampu mewujudkan kerjasama erat sesama penduduk, tanpa mengira bangsa atau fahaman politik dan MPSJ selaku pihak berkuasa kawasan ini," katanya

kepada Selangor Kini.

Tambah beliau, penduduk dan kakitangan MPSJ, khususnya daripada Jabatan Kesihatan MPSJ, bersama-sama meletakkan umpan racun tikus di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan.

Mohd Sabri Abd Karim, 46, pula berkata, program seperti ini diadakan tepat pada masanya bagi mencegah penyakit Leptospirosis atau penyakit bawaan air kencing tikus yang boleh menyebabkan kematian dan semakin menular akhir-akhir ini.

"Saya harap program sebegini tidak berakhir setakat ini, tetapi wajar diteruskan pada masa hadapan," kata beliau.



**MEMBIAK... kehadiran tikus yang banyak, dikhawatiri menjadi punca kepada wabak penyakit**

## Pastikan orang ramai selesa



**Kerja-kerja pembersihan sudahpun dilakukan di Apartment Vista Bandar Sri Putra seperti yang disiarkan di TV3**

**KAJANG** - Bermula Februari, kerja-kerja pembersihan awam di kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang merangkumi perkhidmatan pemotongan rumput, pembersihan parit simen, parit tanah dan sapuan jalan, dikuatkuasakan.

Sebanyak 67 kontraktor, mewakili 67 zon dilantik bagi merealisasikan tujuan ini.

Menurut Yang Dipertua MPKj, Datuk Hassan Nawawi Abd Rahman, kawasan pembersihan ini meliputi semua kawasan awam, termasuk simpang-jalan dan longkang, lorong belakang, jalan masuk semen-

tara, longkang dan kawasan rekreasi seperti yang dinyatakan di dalam pelan tapak.

"MPKj juga berhak untuk memotong sebarang bayaran, sama ada sebahagian atau sepenuhnya daripada bayaran bulanan, sekiranya pegawai penguat kuasa mendapati kerja yang dijalankan tidak memuaskan atau tidak mengikut jadual yang ditetapkan," katanya menerusi kenyataan media.

Menurut beliau lagi, MPKj akan mengenakan denda jika kerja-kerja yang dijalankan kurang memuaskan atau lewat daripada pusingan yang perlu dipatuhi, selain ditamatkan

perkhidmatan sekiranya mereka menerima tiga kali NTC (Notice To Correct).

Sehubungan itu beliau meminta kontraktor mengemukakan jadual pusingan kerja setiap bulan kepada pegawai penguasa sebelum memulakan kerja kerana pemeriksaan mutu kerja akan dibuat mengikut jadual. Malah, kontraktor juga diwajibkan mempunyai pejabat sendiri bagi memudahkan urusan.

Sebarang maklum balas, pertanyaan dan aduan berkaitan pembersihan awam boleh hubungi talian 03-87340953/ 03-87330675/ 03-87330285 03/02/2012.

## Sampah, usaha MPK terima pujian

**KLANG** - Kerajaan negeri menyambut baik usaha agresif yang dilakukan Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi menangani isu sampah yang sering menjadi tumpuan sejak kebelakangan ini.

Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali (*gambar*) berkata, pelbagai langkah, program dan aktiviti yang dijalankan MPK, menjadi contoh kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dalam memastikan kawasan tadbir mereka bersih tanpa sebarang isu kebersihan di situ.

Menurutnya, selain daripada langkah berterusan majlis, beliau juga menyarankan masyarakat setempat, khususnya penduduk untuk menerapkan kebersihan di dalam kehidupan seharian mereka.

"Kebersihan dan keceriaan merupakan elemen yang perlu diambil kira dalam usaha kita merealisasikan matlamat mewujudkan Mini Serambi Mekah di DUN Selat Klang tidak lama lagi.

"Malah saya yakin jika kerjasama dan komitmen diberikan semua pihak, Mini Serambi Me-

kah ini akan dapat dicapai, seterusnya mewujudkan persekitaran yang dinamik, efisien, bersih dan sejahtera," katanya.



Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Penyerahan 60 Tong Sampah oleh MPK di Pejabat Adun Selat Klang, di sini.

Hadir sama ialah Pemangku Yang Dipertua MPK, Ehsan Mukri, Ahli Majlis, Jamuliddin

Elias, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP), Wan Mohd Sofian Wan Husain, Pengarah Jabatan Komunikasi Dan Pengaduan Awam, Norfiza Mahfiz, ketua-ketua kampung dan penduduk setempat.

Sementara itu, Ehsan menjelaskan, selain kerja keras majlis, kesedaran awam di kalangan penduduk setempat juga perlu dipertingkatkan terutama dalam menghargai kebersihan setempat.

Menurutnya, tanpa perhatian dan kerjasama penduduk, kebersihan yang diharapkan sukar dilaksanakan dan akan memberi impak yang negatif dalam pembangunan Bandar Di Raja ini.

**PETALING JAYA** - Memberi tumpuan seratus peratus dalam kelas, punca kejayaan, selain mempunyai sikap suka bertanya, itu kata Thiruvengadish A/L Sundaraju, 13, yang mendapat 6A dalam UPSR baru-baru ini.

"Saya juga sering buat latihan dan ulang kaji di rumah, sekurang-kurangnya 2 jam sehari," jelasnya.

Bagi Lai Choi Yi, 13, sikap tidak berputus asa dalam mencari ilmu menjadi kunci kejayaannya memperoleh keputu-

## Pelajar cemerlang dirai

san cemerlang dengan rekod 7A dalam peperiksaan UPSR yang lalu.

Katanya, dorongan ibu bapa juga adalah pembakar semangat untuk beliau terus berusaha demi mencapai kejayaan yang diidamkan.


"Saya banyak habiskan masa dengan ulang kaji pelajaran, selain mengadakan perbincangan bersama rakan-rakan dan

guru," katanya.

Sementara itu Nurul Natasya Khasman, 13, yang ditemui berkata, sikap tidak pernah jemu dalam mengulangkaji pelajaran adalah antara faktor penting yang perlu diterapkan dalam diri pelajar.

"Kita jangan cepat mengalah atau sedih jika tidak mencapai apa yang diinginkan. Tetapi bersikap positif dan terus berusaha sehingga berjaya," ujarnya.

Seramai 209 orang pelajar dari 18 buah sekolah diraikan dalam Majlis Anugerah Kece-merlangan UPSR, PSRA dan



Lai Choi Yi

Nurul Natasya

Thiruvengadish

PMR 2011, DUN Taman Medan di Dewan MBPJ di sini.

Adun Taman Medan, Haniza Talha yang merasmikan majlis tersebut berkata, majlis ini

adalah untuk menyatakan rasa gembira dan penghargaan kepada pelajar dan ibu bapa supaya terus cemerlang pada masa-masa akan datang.



Haniza bersama penerima anugerah pelajar cemerlang

## Prasarana sukan di Selangor dipertingkatkan

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Infrastruktur dan prasarana sukan negeri akan dipertingkatkan untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik bagi meningkatkan mutu pencapaian atlet tempatan, ujar Exco Belia dan Sukan dan Adat Resam Melayu, Dr Ahmad Yunus Hairi.

Menurut Dr Yunus, kerajaan negeri memperuntukkan RM30 juta untuk infrastruktur sukan di bawah Geran Selangorku.

"Di samping dana RM30 juta ini, kita juga akan membantu menyediakan keperluan, naik taraf atau baik pulih kemudahan sukan lain yang sangat memerlukan.

"Bagaimanapun, dalam Geran Selangorku ada Jawantankuasa Khas untuk menilai segala permohonan dan kita akan utamakan keperluan yang mendesak," ulas Dr Yunus ketika ditemui di Majlis Ramah Mesra bersama Kontinjen Kejohanan Sukan Ma-

laysia (Sukma) 2012 bagi skuad Negeri Selangor, baru-baru ini.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, Kerajaan Pakatan juga melaksanakan program 'PBT Angkat' di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berpeluang melibatkan diri dalam usaha memajukan industri sukan tempatan.

"Program ini kita akan perbaiki daripada semasa ke semasa kerana setiap acara Sukma itu berbeza acara yang dipertandingkan.

"Jadi kita agihkan PBT secara adil, di mana setiap tahun mereka akan terlibat dengan sukan tertentu untuk dibantu dari segi kemudahan, termasuk prasarana, pengangkutan, kumpulan sorak dan sebagainya," jelas Dr Yunus sambil memuji sikap kerjasama setiap PBT.

Sementara itu, Selangor menasarkankan 70 pingat emas dalam kejohan Sukma 2012 yang akan berlangsung di Kuantan, Julai ini.

## Isu air di Taman Pandan 2 selesai

**SHAH ALAM** - Isu pemotongan air di Taman Pandan Utama 2, Ampang, selesai hasil rundingan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad bersama pihak pemaju dan Syabas, minggu lalu.

Menurut Iskandar, Syabas bersetuju menyambung bekalan air setelah pemaju menyerahkan surat akujanji yang mengatakan mereka akan mengemukakan 'Bank Guarantee' bernilai RM1.9 juta dalam masa satu minggu.

'Bank Guarantee' ini adalah untuk menjamin pemaju

akan menyiapkan kerja-kerja berkaitan bekalan air yang tangguh dalam masa 12 bulan.

"Pada 20 Februari lepas, pemaju mengemukakan surat akujanji bahawa mereka akan menyiapkan kerja itu dalam masa yang ditetapkan," jelas Iskandar yang juga Adun Cempaka.

Pada malam 24 Februari lalu, kira-kira pukul 12.00 malam, pihak Syabas menyambung semula bekalan air yang dipotong sebelum ini.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Penduduk Taman Pan-

dan Utama 2, Jeffery Abdul Rahman, menerusi emel kepada Selangor Kini, melahirkan ucapan terima kasih penduduk atas keperihatinan YB Iskandar yang bersungguh-sungguh membantu masalah penduduk di situ.

"Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan, memberi inspirasi kepada kami yang baru menubuhkan Persatuan Penduduk Pandan Utama 2 (PP-PU2) untuk lebih komited dalam menjaga kepentingan serta hak kami sebagai pembeli rumah di Pandan Utama ini," ujar beliau



Iskandar berbual bersama penduduk Pandan Utama 2 setelah penyambungan air selesai dilakukan

Oleh HAFIZAN TAIB

# MP Sabak Bernam bersalah buat tuntutan palsu

SHAH ALAM - Keputusan Mahkamah Seksyen Shah Alam mensabitkan kesalahan membuat tuntutan palsu bekas MP Sabak Bernam (Umno-BN), Datuk Abdul Rahman Bakri (*gambar*) dianggap sebagai 'korban' oleh Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad.

"Walaupun Datuk Abdul Rahman adalah ahli Umno, tetapi dia masih lagi ikan kecil berbanding dengan yang lebih besar, iaitu jerung-jerung yang masih lagi tetap bebas," katanya.

Rahman yang juga bekas Adun Sungai Ayer Tawar (Um-

no-BN) didapati bersalah atas lapan tuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM80,000.

Katanya, keputusan yang diumumkan itu berkemungkinan bermotifkan politik dan tidak melambangkan institusi kehakiman dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di negara ini bebas kerana banyak lagi kes lain yang 'dilepas-



kan' serta tidak disiasat.

Hakim Mahkamah Seksyen Shah Alam, Azhaniz Teh Azman Teh membuat keputusan, Abdul Rahman, 47, bersalah selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwa.

Abdul Rahman dituduh membuat lapan tuntutan palsu de-

ngan nilai RM10,000 setiap satu yang berjumlah RM80,000 daripada peruntukan kawasannya berhubung majlis yang tidak pernah dijalankan.

Dia dituduh membuat tuntutan tersebut di antara 21 Januari dan 4 Februari 2008 ketika menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Ayer Tawar.

dari muka belakang

## Cari untung dengan jual tanah kerajaan negeri

Menurut Misran, pertemuan yang diadakan di Pekan Tanjong Karang pada 20 Febuari lalu, dibuat dalam keadaan terdesak berhubung laporan Umno Tanjong Karang menjual tanah milik kerajaan negeri, sekali gus memperolehi keuntungan daripada urus niaga tersebut.

"Dia sanggup tunggu saya dari pagi hingga petang untuk berjumpa dan merayu menarik semula kenyataan saya dalam isu penjualan tanah milik kerajaan negeri itu.

"Dia beritahu saya bahawa Datuk Seri Noh yang menghantarnya bertemu saya untuk selesaikan isu ini secepat mungkin untuk mengelakkan isu ini menja-

di lebih besar lagi," katanya yang menolak rayuan AJK Umno itu.

Semakan Selangor Kini terhadap dokumen yang diperolehi dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menunjukkan tanah yang bernombor lot PT115 dan terletak di Pekan Tanjong Karang itu kini dimiliki dua buah syarikat seperti yang didakwa Misran.

Hasil carian terhadap dokumen SSM pula mendapati pengarah-pengarah Syarikat Bumi Utama Building Sdn Bhd ialah Datin Chia Mee Sim, Lau Chuan Mei dan setiausaha-nya Gangngadeve a/p Narsaiah.

Manakala Ahli Jawatan Kuasa Umno Bahagian Tanjong Karang,

Mohd Kifli Abu Samah pula merupakan pemegang 60 peratus syer syarikat terbabit.

Individu bernama Hamyza Toha yang tidak diketahui indentitinya pula memegang sebanyak 40 peratus kepentingan syarikat terbabit.

Sementara itu, hasil carian yang sama terhadap Bayacorp Sdn Bhd pula mendapati tiga individu yang dilantik sebagai

pengarah syarikat itu juga merupakan individu yang sama dalam syarikat Bumi Utama Building Material Sdn Bhd.

Misran yang juga merupakan anggota Ahli Majlis Tanjong Karang memberitahu lagi, permohonan untuk membina sebuah hotel telah dibuat di atas tanah tersebut dan telah ditolak dalam satu mesyuarat Ahli Majlis.



### MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantian Mesra Sdn Bhd,  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455 e-mail: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7385 atau 03-5521 2275 Faks : 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn Bhd,  
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5518 7735, Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my url : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618, Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwat Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad  
16th - 17th Floor, Plaza Perangang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999, Faks : 03-5510 9977 Email: communications@kdeb.com



### NOTIS PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR

Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB), syarikat tersenarai di Bursa Malaysia Berhad, adalah syarikat hartanah bagi Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), iaitu syarikat pelaburan Kerajaan Negeri Selangor.

KHSB dengan ini mempelawa kontraktor-kontraktor bertauliah dan berpengalaman dengan kepakaran berikut untuk turut serta di dalam proses Pra-Kelayakan yang akan dijalankan.

- Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan - Komersial & Industri
- Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan - Kediaman 'Landed'
- Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan - Kediaman 'High Rise'
- Kerja Tanah & Infrastruktur
- Geoteknikal & Pembinaan Ruang Bawah Tanah
- Sistem Rawatan Kumbahan
- Kerja-Kerja Mekanikal & Elektrikal
- Kerja-Kerja Landskap
- Kerja-Kerja Hiasan Dalaman
- Kerja-Kerja Kepelbagaian

Borang Pra-Kelayakan boleh didapati dari Pejabat kami dengan **yuran tidak dipulangkan berjumlah RM100.00** yang perlu disediakan dalam bentuk Bank Deraf / Wang Pos kepada "Kumpulan Hartanah Selangor Berhad".

Borang yang lengkap dengan dokumen sokongan hendaklah diserahkan di dalam sampul bertutup kepada:

Kumpulan Hartanah Selangor Berhad  
Lot 1A, Level 1A, Plaza Perangang,  
Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

sebelum 5.00 pm, 21hb Mac 2012.

Penilaian Kontraktor adalah tertakluk sepenuhnya kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dan segala keputusan yang dibuat adalah muktamad.

[www.khsb.com.my](http://www.khsb.com.my)



## Umno Tanjung Karang jual tanah kerajaan negeri

Oleh NAZLI IBRAHIM

**TANJONG KARANG** - Terdesak atau sudah hilang pertimbangan, Umno Tanjung Karang bertindak menjual tanah yang 'dianugerahkan' oleh kerajaan negeri terdahulu kepada dua syarikat swasta untuk mendapatkan 'untung atas angin'.

Tanah yang kini menempatkan bilik gerakan BN Tanjung Karang didaftarkan atas nama Bumi Utama Building Material Sdn Bhd dan Bayacorp Sdn Bhd pada 1 Mac 2007, ketika BN masih menerajui Selangor.

Demikian menurut Naib Yang DiPertua PAS Tanjung Karang, Misran Serman yang juga merupakan Pengurus Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Sungai Buntung, ketika ditemu bual Selangor Kini baru-baru ini.

"Asalnya tanah kerajaan negeri, tetapi sudah dipindah milik, dianugerahkan kepada Umno dan Umno pula jual pada syarikat bukan bumiputera.

"Kalau macam itu, senang-senanglah Umno dapat keuntungan atas penjualan tanah milik kerajaan negeri itu," kata Misran.

Selepas laporan ini diterbitkan di TV Selangor, Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar bertindak menghantar Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Umno Bahagian Tanjung Karang, bertemu Misran agar menarik kembali kenyataan beliau.

Menurut Misran, pertemuan yang diadakan di Pekan Tanjung Karang, 20 Februari lalu dibuat dalam keadaan terdesak berhubung laporan Umno Tanjung Karang menjual tanah milik kerajaan negeri sekali gus memperolehi keuntungan dari urus niaga tersebut.

Lihat muka 15



**TERBAIK DARI LADANG...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ditemani isteri, Puan Sri Salbiah Tunut, menikmati buah-buahan tempatan ketika melawat premis buah-buahan di bangunan PKPS di Shah Alam, semasa menghadiri Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKPS baru-baru ini. Turut kelihatan, Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari

## Skim baik pulih rumah kediaman luar bandar

**SABAK BERNAM** - Selepas mendapat sambutan menggalakkan, Program Baikpulih Negeri Berkeadilan (Ceria) yang membabitkan pangsapuri kos rendah, kerajaan negeri bercadang mewujudkan satu lagi tabung khas bagi membaik pulih rumah kediaman di kawasan luar bandar.



Bangunan dan Setinggalan Selangor, Iskandar Samad (*gambar*) berkata, pihaknya akan mengemukakan cadangan berkenaan kepada kerajaan negeri dalam masa yang terdekat.

Menurutnya, kediaman luar bandar perlu diberi perhatian yang sama seperti di kawasan

bandar, di mana kebanyakan pangsapuri dibaik pulih menerusi Skim Ceria 1 yang berjumlah RM2.3 juta, manakala skim Ceria 2 dengan peruntukan sebanyak RM9.7 juta.

"Kalau kita menunaikan tanggungjawab kita kepada mereka di bandar, mungkin kita perlu lihat satu program yang sama di luar bandar. Sekarang kita ada program rakyat termiskin, iaitu CSR, tetapi saya akan bangkitkan supaya kerajaan negeri wujudkan satu lagi tabung untuk

baik pulih, sepertimana tabung bagi rumah-rumah pangsapuri.

"Saya lihat ada keperluan seperti Ceria ini, tetapi di kawasan luar bandar," katanya dalam sidang media selepas Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) - Baikpulih Rumah Asnaf Fakir Miskin di Bagan Terap di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran dan Pembangunan) PKNS, Noraida Mohd Yusof; Ketua Penolong Pegawai

Daerah (Pembangunan) Sabak Bernam, Jasman Syazry Mohd Saari dan Setiausaha Majlis Daerah Sabak Bernam, Azril Hakim Nohd Yazid.

Dalam majlis itu, PKNS menerusi program CSR menyampaikan bantuan kepada asnaf fakir dan miskin.

Menurut Iskandar lagi, komitmen yang ditunjukkan PKNS dalam memberikan semula keuntungan kepada rakyat Selangor melalui aktiviti sosial dan kebajikan itu sangat dihargai.